

## SK Sri Kelana juara Piala Sumbangsih RMS

Sabirah Aziz | 1 November 2017 4:30 pm



SHAH ALAM, 1 NOV: Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Kelana berjaya menundukkan SK Taman Universiti 2-1, juara edisi lalu dalam perlawanan pembukaan Piala Sumbangsih Kejohanan Bola Sepak Piala Raja Muda Selangor Edisi ke-30 2017.

SK Sri Kelana berjaya menjaringkan gol keduanya menerusi sepakan pemain tengah simpanan, Khairul Dzulfarhan Jeny Nurdi yang gagal diselamatkan penjaga gawang SK Taman Universiti, Muhammad Afiq Khairizal Abdullah seterusnya memberi kemenangan dengan keputusan 2-1.

Pengerusi Kejohanan, Datuk Emran Kadir berkata, pemain dikenal pasti mempunyai potensi akan diserap ke sekolah sukan untuk mendapatkan latihan dan bimbingan sewajarnya.

“Perlawanan bermula sejak 10 Oktober lepas berlangsung secara liga di mana dua pasukan terbaik daripada setiap kumpulan akan layak ke pusingan kedua seterusnya ke peringkat suku akhir, separuh akhir dan kemuncaknya adalah perlawanan akhir yang akan berlangsung pada 18 November nanti,” katanya dalam kenyataan.



Sementara itu, **Kumpulan Perangsang Selangor Berhad** (Perangsang Selangor) sekali lagi muncul sebagai penaja utama kejohanan buat kali kelima berturut-turut dengan tajaan bernilai RM100,000.

Johan Piala Raja Muda Selangor bakal menerima hadiah wang tunai RM4,000, piala kejohanan, pingat dan sijil manakala naib johan RM3,000, ketiga RM2,000 dan tempat keempat RM1,000 beserta pingat dan sijil.

Selain itu, lapan pasukan layak ke peringkat suku akhir menerima jersi tajaan Perangsang Selangor.

Kejohanan Bola Sepak Piala Raja Muda Selangor edisi ke-30 tajaan Perangsang Selangor merupakan cetusan idea Sultan Selangor bertujuan menggilap bakat baharu pemain bola sepak bawah 12 tahun untuk diketengahkan ke tahap lebih tinggi.

Seramai 576 pemain daripada 32 pasukan iaitu 20 sekolah rendah mewakili Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Petaling Perdana dan 12 sekolah dari PPD Petaling Utama terlibat yang dibahagikan kepada lapan kumpulan melalui proses undian.

<https://selangorkini.my/2017/11/sk-sri-kelana-juara-piala-sumbangsih-rms/>